

# Apa Itu Rasuah (Akta SPRM 2009)?

Rasuah mengikut definisi SPRM ialah penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi. Suapan terdiri daripada wang, hadiah, bonus, undi, perkhidmatan, jawatan, upah, diskaun.

Jenis-jenis rasuah berdasarkan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta SPRM 2009) (Akta 694) adalah seperti berikut:

**JENIS-JENIS RASUAH**

- 1 MEMINTA/MENERIMA RASUAH**  
[Seksyen 16 & 17(a) Akta SPRM 2009]  
Mana-mana orang atau ejen meminta/menerima suapan (rasuah) sebagai balasan untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu perkara.
- 2 MENAWAR/MEMBERI RASUAH**  
[Seksyen 17(b) Akta SPRM 2009]  
Mana-mana orang menawar/ memberi rasuah kepada seorang ejen/ pegawai awam sebagai balasan untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu perkara berkaitan hal ehwal ejen/ pegawai awam tersebut.
- 3 MENGEMUKAKAN TUNTUTAN PALSU** [Seksyen 18 Akta SPRM 2009]  
Mana-mana orang mengemukakan dokumen tuntutan (cth: pesanan kerajaan, resit, inbois, sijil cuti sakit) yang mempunyai butiran atau maklumat palsu dengan niat untuk memperdayakan prinsipalnya(pejabat/majikan).
- 4 SALAH GUNA KEDUDUKAN/JAWATAN** [Seksyen 23 Akta SPRM 2009]  
Pegawai badan awam menggunakan kedudukannya dalam membuat keputusan atau mengambil apa-apa tindakan berhubung dengan sesuatu perkara di mana dia, saudara atau sekutunya mempunyai kepentingan.

#integriti2/2022